## Bahagian A
## [60 markah]
## Jawab semua soalan

1. (a) Gambar berikut menunjukkan sumber ekonomi yang terlibat dalam proses pengeluaran.



Huraikan sumber ekonomi tersebut.

[6 markah]

(b) Huraikan kelemahan Sistem Ekonomi Pasaran Bebas.

[4 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm Ekonomi K2



CamScanner

**(c) Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.**

<table>
<tr><th>Rajah 1</th><th>Rajah 2</th></tr>
<tr><td>
</td><td>
</td></tr>
</table>

**Bezakan kedua-dua rajah tersebut.**

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**[4 markah]**

(d) Gambar berikut menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.






Barang A

Barang B

(i) Jelaskan perbezaan keanjalan harga permintaan bagi kedua-dua barang tersebut.

[4 markah]

(ii) Jelaskan strategi pengeluar barang A untuk memaksimumkan jumlah hasil.

[2 markah]

2 (a) Nyatakan fungsi wang.

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

[2 markah]

(b) Terangkan konsep berikut:

(i) Mudharabah

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

[3 markah]

(ii) Pinjaman bercagar

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

[3 markah]

CamScanner

**(c) Maklumat berikut berkaitan satu perkembangan terkini dalam ekonomi.**

> **Dalam era kemajuan teknologi yang pesat, Kecerdasan Buatan (AI) dapat meningkatkan produktiviti dan menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi.**
>
> ***Sumber : Petikan Bernama 23 Mei 2023***

**Keadaan tersebut membawa kepada masalah pengangguran. Adakah anda bersetuju? Berikan alasan.**

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

**[5 markah]**

**(d) Jadual berikut berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma**

| Keluaran/ output (unit) | Jumlah kos (RM) | Kos purata (RM) | Kos marginal (RM) |
|---|---|---|---|
| 0 | 100 | - | - |
| 1 | 150 | 150 | 50 |
| 2 | 190 | 95 | Y |
| 3 | 210 | 70 | 20 |
| 4 | 240 | X | 30 |
| 5 | 310 | 62 | 70 |
| 6 | 420 | 70 | 110 |

**(i) Hitung nilai**

**a) X**

________________________________________

________________________________________

________________________________________

b) Y

[2 markah]

(ii) Berdasarkan jadual tersebut, jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal pada output 0 hingga 3 unit.

[3 markah]

3. (a) Maklumat berikut berkaitan satu jenis pengangguran.

| |
|---|
| Seramai 4.5 juta rakyat Malaysia berkemungkinan hilang pekerjaan menjelang 2030 kerana hilang kemahiran dan tidak melakukan latihan semula (upskilling).<br><br>*Sumber : Ubahsuai Sinar Harian 26 Jun 2023* |

Huraikan mengenai pengangguran tersebut.

[3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan suatu perbelanjaan kerajaan.

| |
|---|
| Pembinaan Hospital Rawang menjadi penanda aras sektor penjagaan kesihatan dalam negara dan bakal memberi manfaat kepada hampir 800 000 penduduk Rawang dan sekitarnya. |

(i) Nyatakan jenis perbelanjaan tersebut.

______________________________________________

[1 markah]

(ii) Huraikan jenis perbelanjaan di 3(b)(i)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 markah]

(c) (i) Berikan maksud pelaburan langsung asing.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

(ii) Bagaimana pelaburan langsung asing boleh dilakukan?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

CamScanner

(d) Maklumat berikut berkaitan satu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

| |
|---|
| Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 28 tan metrik daging kerbau sejuk beku dari India kerana maklumat pada sijil halal dan sijil kesihatan yang dikeluarkan dari negara pengeksport berbeza.<br><br>Sumber : Petikan Utusan Malaysia 15 Oktober 2022 |

(i) Nyatakan jenis sekatan perdagangan tersebut.

________________________________________________________

[1 markah]

(ii) Sekatan di (d)(i) memberi kelebihan kepada rakyat Malaysia.

Jelaskan.

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

[6 markah]

CamScanner

## BAHAGIAN B

## ( 40 MARKAH )

**Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.**

**4. Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.**

> **Inflasi Malaysia meningkat kepada 3.3 peratus April 2023**
>
> Kuala Lumpur – Inflasi Malaysia meningkat dengan kadar perlahan kepada 3.3 peratus pada April 2023 dengan mata Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan 130.0 berbanding 125.9 pada bulan yang sama 2022. Perlaksanaa Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang bermula pada 15 hingga 30 April 2023 sedikit sebanyak meredakan inflasi terus meningkat.
>
> *Sumber: https://www.sinarharian.com.my/26 Mei 2023*

(a) Mengapakah keadaan di atas berlaku? [4 Markah]

(b) Huraikan kesan masalah di atas kepada pasaran barangan di Malaysia. [7 markah]

(c) Situasi di atas memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

**5. Maklumat berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di Malaysia .**

> Seiring dengan revolusi industri 4.0, Malaysia turut terkesan dengan ekonomi gig terutama melalui industri penghantaran makanan dan industri berkemahiran tinggi (high skills job) seperti pereka grafik.

(a) Berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan, mengapa golongan muda memilih untuk menceburi bidang ekonomi tersebut? [5 markah]

(b) Terangkan cara kerajaan melindungi golongan yang menceburi bidang ekonomi tersebut. [6 markah]

(c) Bidang ekonomi tersebut memberi kelebihan kepada isirumah. Bincangkan. [9 markah]

CamScanner

6. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia.

> PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil langkah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus menyebabkan bank perdagangan turut meningkatkan kadar faedah bagi pinjaman. Pada masa yang sama, kadar inflasi dalam negara menunjukkan peningkatan dan perlu ditangani sebaiknya.
>
> *Sumber: https://www.utusan.com.my, 8 November 2022*

(a) Bagaimana tindakan tersebut memberi kesan kepada pinjaman? [6 markah]

(b) Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran barang. [6 markah]

(c) Tindakan kerajaan tersebut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.
Perincikan jawapan anda. [8 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan hasil cukai.

> **Kastam kutip cukai RM28.13 bilion**
>
> PUTRAJAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sudah berjaya mengutip cukai berjumlah RM28.13 bilion setakat 17 Julai lalu iaitu 3.6 peratus lebih tinggi berbanding RM27.16 bilion bagi tempoh sama tahun lalu. Hasil kutipan yang lebih tinggi itu membolehkan kerajaan merencana pelbagai bantuan tambahan kepada rakyat contohnya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).
>
> *Sumber :diubah suai daripada https://www.utusan.com.my, 17 Julai 2023*

(a) Jelaskan mengenai cukai tersebut [4 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan mendapatkan hasil pendapatan selain daripada di atas? [7 markah]

(c) Adakan anda bersetuju dengan tindakan kerajaan tersebut?
Perincikan jawapan anda [9 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Ekonomi K2 Pahang 2023 **SOALAN TAMAT**

CamScanner